



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
30 MAC 2018 (JUMAAT)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | | |
|---|--|----|
| - | MPAJ digesa alih struktur paip ancam pengguna jalan raya | 27 |
|---|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
30 MAC 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MPAJ digesa alih struktur paip ancam pengguna jalan raya
Muka Surat	27

MPAJ digesa alih struktur paip ancam pengguna jalan raya

AMPANG 29 Mac - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) diminta mengalihkan struktur paip di Jalan Perdana 3/1 di sini kerana membahayakan pengguna jalan raya di kawasan tersebut.

Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Parti Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, enam kes kemalangan melibatkan motosikal dan kereta berlaku sejak pemasangan saluran paip di tengah-tengah pembahagi jalan kira-kira sebulan lalu.

Beliau berkata, pemasangan komponen utiliti itu sepatutnya tidak dipasang di situ kerana terlalu rapat dengan aliran trafik yang boleh mengundang kemalangan terutama pada waktu malam.

"Sepatutnya ia dipasang lebih jauh di kaki lima jalan.



BEN LIEW POK BOON (kanan) bersama penduduk menunjukkan struktur utiliti paip di Pandan Perdana, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN / MUHAMMAD SYAFIQ ZULKIFLE (PELATIH UITM)

"MPAJ sepatutnya lebih arif mengenai perkara ini. Walaupun aduan mengenai perkara ini sudah dibuat, ia seperti tidak diberi

perhatian," katanya dalam sidang akhbar baru-baru ini.

Sementara itu, seorang penduduk, Lee Meo Chong, 72,

mengadu, keadaan laluan Jalan Perdana 6/2 di sini yang gelap kerana banyak lampu jalan tidak berfungsi mengundang kebimbangan penduduk selepas beberapa kejadian saman dan rugut di kawasan itu.

"Laluan ini tidak lagi selamat untuk digunakan orang ramai khususnya mereka yang keluar berjogging dan memandu bersendirian.

"Lampu-lampu jalan juga padam lebih awal iaitu kira-kira pulak 5 pagi ketika hari masih lagi gelap. Kawasan ini pasti menjadi 'lubuk' penjenayah," katanya.

Sehubungan itu, Meo Chong menyeru pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan sewajarnya demi keselamatan dan keselesaan orang ramai di kawasan itu.